



PILIHANRAYA KAMPUS

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA SESI 2007/2008

MENUNTUT KEBIJAKSANAAN



Sejenak Bersama Naib Canselor USIM



Setakat ini, sejauh mana pencapaian kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar USIM mengikut pemerhatian Y. Bhg. Dato' ?

Setiap tahun kita mengadakan pemilihan perwakilan pelajar berdasarkan peraturan dan kebebasan pelajar sendiri untuk memilih calon dan perwakilan mereka. Saya melihat dalam masa 6 tahun, peningkatan dalam sumbangan MPP sangat baik. Peningkatan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada kualiti calon kerana pencalonan yang kita terima amat memuaskan dari segi akademik dan penglibatan dalam kokurikulum serta bidang lain. Kita lihat pencapaian dari satu tahun ke satu tahun boleh dikatakan mencapai matlamat tujuan diwujudkan majlis perwakilan pelajar ini. Pertama, ia mengasah bakat kepimpinan di kalangan pelajar yang ingin menjadi pemimpin sebelum mereka secara kebajikan kepada rakan-rakan dalam bidang akademik, sukan dan lain-lain. Ia menonjolkan bakat kepimpinan pelajar dalam memimpin masyarakat pelajar. Saya melihat perwakilan pelajar ini sangat penting dan mencapai matlamat yang dikehendaki.

Bagaimana Y. Bhg. Dato' melihat bahawa kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar ini dapat membantu Pengurusan Universiti memartabatkan kecemerlangan Universiti ?

Kita sedar bahawa dalam universiti ada 3 komponen yang besar, iaitu pengurusan, pensyarah dan pelajar yang tidak boleh dipisahkan dan dipandang enteng dari segi kewujudan mereka dan sumbangan mereka terhadap universiti itu sendiri. Oleh itu, kepimpinan mahasiswa sangat penting terutama kita melihat pimpinan pelajar ini dari kalangan yang terpilih. Dengan sebab itu mereka sangat memahami dan tahu tentang kepimpinan dan keperluan pelajar serta masalah yang dihadapi oleh pelajar. Oleh yang demikian, mereka lebih tahu dan mudah untuk bertindak bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar. Kedua, mereka berperanan sebagai penghubung di antara pelajar, pensyarah dan pihak pengurusan. Ini kerana pihak-pihak tersebut tidak dapat bersama dengan pelajar setiap masa. Jadi, sumbangan kepimpinan pelajar ini sangat penting dalam memajukan pelajar-pelajar USIM dari pelbagai sudut.


Antaranya, menjaga imej dan nama baik universiti, mengadakan aktiviti-aktiviti yang boleh memperkenalkan universiti ini sama ada di dalam mahupun luar negara, memastikan pencapaian akademik yang baik dan memiliki kemahiran-kemahiran yang tertentu. Selain itu, kita ada lebih 3000 orang pelajar yang datang dari seluruh Malaysia. Maka, jika mereka dapat menunjukkan keadaan yang baik, sudah tentu universiti akan mendapat lebih kesan daripadanya. Secara tidak langsung, kepimpinan mereka memberikan kesan yang baik dalam memajukan universiti.

Apakah yang dirasakan oleh Y. Bhg. Dato' tentang fokus penting dalam kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar USIM ?

Ada pelbagai fokus penting yang perlu dititikberatkan. Pertama, untuk menggilap bakat kepimpinan yang ada kepada seseorang pelajar itu sendiri. Jadi apabila diberi peluang, bakat itu boleh dikembangkan seluas-luasnya dalam keadaan-keadaan yang dibolehkan. Bakat juga merujuk kepada idea-idea bernas yang boleh ditonjolkan. Kedua, mereka boleh menjadi model kepada mahasiswa lain di dalam pelbagai bidang seperti akademik, perilaku, kemahiran dan kepimpinan. Ini adalah suatu perkara yang menjadi fokus dalam kepimpinan ini. Ketiga, melatih mereka untuk hidup bermasyarakat, khususnya di kalangan warga pelajar. Dalam memimpin pelajar itu sendiri, mereka perlu kemahiran komunikasi yang baik terutama dalam melayani karenah dan isu yang diutarakan oleh para pelajar. Dalam hal ini juga, pemimpin pelajar ini perlulah bersedia menerima pandangan dan kritikal daripada pelajar-pelajar lain.

Dari segi kelayakan calon-calon Majlis Perwakilan Pelajar, apakah kriteria yang seharusnya ada untuk seseorang pelajar itu dianggap layak memegang tampuk kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar USIM ?

Pertama, calon-calon perlulah mempunyai minat. Kedua, mereka perlu memiliki bakat kerana minat tanpa bakat adalah sukar dan bakat sahaja tanpa minat juga adalah mustahil. Ketiga, mereka perlu ada ilmu pengetahuan kepimpinan. Keempat, persediaan mental dan fizikal untuk diterima oleh rakan-rakan pelajar yang lain. Kelima, latar akademik yang memuaskan supaya boleh menjadi teladan kepada pelajar-pelajar lain. Keenam, mereka juga perlu memiliki kebolehan berkomunikasi, berfikir, menganalisa dan membuat keputusan dalam menghadapi sesuatu masalah. Semua kriteria ini adalah amat penting dan perlu dimiliki oleh semua individu pelajar yang menjadi perwakilan MPP di universiti ini. Perlu juga dipastikan bahawa bukan sahaja aspek akademik, tetapi pemikiran, sikap dan tingkahlaku juga sejajar dengan falsafah universiti.



Kenapa Y. Bhg. Dato' selalu menekankan supaya pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar USIM ini perlu bersih daripada pengaruh-pengaruh luar ?

Pertama, tujuan kepimpinan pelajar yang kita hendak wujudkan ini adalah satu latihan. Kedua, untuk mengasah bakat. Ketiga, kita beri peluang untuk mereka melaksanakan program/ projek berdasarkan ilmu, kemahiran dan pengalaman. Sekiranya mereka hanya mengikut arahan dan pandangan-pandangan tertentu, mereka gagal menunjukkan bakat atau kebolehan yang sebenar. Apa yang penting, mereka haruslah mempunyai idealisme tersendiri dan melaksanakannya secara objektif dan strategik. Jika ada unsur dan pengaruh luar, ini bermakna ia bukan lahir dari idea dan kemampuan pemimpin pelajar ini, tetapi mereka hanya berperanan sebagai robot.

Nasihat Y. Bhg. Dato' kepada pelajar-pelajar USIM dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar kali ini.

Pertama, mereka hendaklah bersifat terbuka, telus dan menganggap arena kepimpinan pelajar ini sebagai ruang untuk mengasah bakat, mengambil peluang, dan menunjukkan bahawa mereka mampu memberi khidmat terbaik kepada rakan-rakan pelajar yang lain. Ia termasuklah memelihara kebajikan dan keperluan pelajar, membantu dan memberi tunjuk ajar kepada rakan, sedia bekerjasama, menerima dan mempertimbangkan pandangan orang lain dan sebagainya. Itulah yang menjadi harapan saya supaya mereka benar-benar menjadikan kepimpinan ini sebagai satu platform bagi membina sahsiah, pemikiran dan kemampuan untuk memberi khidmat kepada pelajar. Di samping itu, mereka juga berperanan sebagai perantara kepada para pelajar bagi menyampaikan apa jua perkara dan isu kepada pengurusan universiti serta pensyarah yang mana ia bertujuan untuk memajukan lagi universiti.



Suara Hati Timbalan Naib Canselor **(HEP dan Alumni) USIM**



Bagi pandangan Y.Bhg. Dato', apakah manifestasi proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar ini terhadap imej universiti ini khususnya para pelajar USIM ?

Pemilihan pelajar dalam MPP pada kali ini saya fikir agak penting bagi universiti, penting bagi saya dan penting bagi keseluruhan warga universiti. Ini kerana yang pertama, kebetulan pemilihan pada kali ini dilaksanakan ketika saya kali pertama mengetuai HEP. Jadi apa pun yang berlaku nanti keputusannya akan menggambarkan atau memberi refleksi kepada kewujudan saya di HEP. Dan kalau dilihat keputusan-keputusan pemilihan pelajar sebelum ini, para pelajar memihak kepada pimpinan universiti. Jadi kalau berlaku sebaliknya, itu akan memberi satu 'reflection' yang tidak baik di atas kemasukan saya ke HEP. Saya merasakan pemilihan MPP kali ini sangat penting bagi saya dan imej universiti. Oleh yang demikian, saya mengambil tanggungjawab itu untuk memastikan supaya pemilihan MPP pada kali ini akan berada dalam keadaan aman, harmoni, selamat dan tertib. Dan semua pihak; pelajar sebagai pengundi, calon yang bertanding untuk merebut kerusi sama ada peringkat umum atau peringkat fakulti, urusetia, pegawai-pegawai dan pengurus pilihanraya dapat sama-sama memelihara ketertiban, kedamaian, keharmonian kampus supaya kita memperolehi keputusan yang baik. Dengan itu, saya berharap sangat supaya pilihanraya kali ini berjalan dalam suasana yang cukup selesa, aman, tenang dan tiada sebarang kejadian yang boleh menjejaskan imej universiti.

Lebih tinggi harapan saya supaya seratus peratus keluar mengundi kerana ia menggambarkan tanggungjawab pelajar untuk mengundi calon pilihan mereka. Dan ini sebenarnya merupakan suatu training bagi mereka untuk mempraktikkan amalan demokrasi di universiti. Ini kerana apabila mereka keluar nanti akan menjadi pemimpin negara dan inilah masanya untuk menunjukkan tanggungjawab sebagai seorang pelajar yang ada hak untuk mengundi MPP mereka.

Saya rasa sebelum ini sudah pasti pihak universiti mengharapkan pemilihan kepimpinan ini terdiri daripada pelajar yang benar-benar layak. Pada pandangan Y.Bhg. Dato', apakah kriteria-kriteria yang menjadi kualiti utama untuk seseorang itu menjadi calon Majlis Perwakilan Pelajar?

Macam tahun lepas juga, pemilihan calon dilihat dari segi akademik. Kita hendak calon yang benar-benar cemerlang supaya kalau mereka menjadi pemimpin, pimpinan mereka itu pimpinan bersifat ilmiah dan barulah mereka dapat didengari, dipatuhi dan diikuti oleh pelajar-pelajar lain. Dan jika akademik tidak begitu cemerlang, apabila menjadi pemimpin, kita bimbang nanti akan menjejaskan prestasi akademiknya kelak. Sebabnya nanti dia akan sibuk dengan tugas-tugas sebagai MPP. Dengan itu, para pelajar yang hendak menjadi calon mestilah pelajar yang akademiknya cemerlang dan ini boleh memperkukuhkan lagi kepimpinan mereka ketika mereka dipilih sebagai MPP. Untuk tahun ini kita masih mengekalkan syarat iaitu minimum sekurang-kurangnya mesti mendapat PNGK 2.7 untuk menjadi calon. Kemudian untuk menjadi pemegang jawatan-jawatan utama seperti Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Agung, syaratnya mesti PNGK 3.5 dan ke atas. Namun begitu, biasanya calon-calon yang dipilih mempunyai keputusan sekurang-kurangnya PNGK 3.0 dan ke atas iaitu yang cemerlang.

Selain daripada pencapaian akademik yang cemerlang, kita juga mengkehendaki calon pemimpin yang mempunyai sahsiah yang baik. Ini kerana sebagai pemimpin mereka perlu mempunyai personaliti unggul, sahsiah yang boleh diterima oleh semua orang, ada nilai agama, mematuhi etika masyarakat dan berpegang kepada motto 'Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa'. Jadi kalau mereka boleh berpegang kepada motto universiti maknanya tentulah mereka mempunyai kriteria, personaliti dan kualiti diri yang bagus. Dan jika perkara itu kita dapat bentuk calon-calon MPP kita berasaskan motto universiti, saya rasa kriteria itu sudah cukup mantap sebagai bakal seorang pemimpin.

Jadi Y.Bhg. Dato' pelajar yang bakal menjadi calon ini mestilah pelajar yang seimbang dari segi akademik dan pembangunan sahsiah ?

Ya. Dia cemerlang dari segi akademik mengikut ukuran PNGK tadi dan dia cemerlang dari segi sahsiahnya. Maknanya orang yang dapat menjadi contoh teladan yang baik atau 'qudwah hasanah', teladan pimpinan yang baik yang dapat dicontohi oleh orang lain. Dan kalau boleh kita hendak dia juga memiliki kemahiran atau kebolehan ko-kurikulum atau aktif seperti bersukan, aktif dalam kesenian dan kebudayaan. Ini sebenarnya dikatakan pemimpin yang baik, akademik cemerlang, personalitinya bagus dan aktif dalam ko-kurikulum. Dia akan muncul sebagai pemimpin pelajar yang baik. Dan suatu hari, apabila dia keluar dari universiti, dia akan menjadi pemimpin negara yang baik dan boleh menjadi contoh ikutan untuk orang lain. Orang lain tidak dapat mempertikaikan kenapa dia menang?, kenapa dia terpilih? Sebabnya dia memang cemerlang dalam semua bidang. Akademiknya bagus, ko-kurikulum bagus dan personaliti unggul, cantik, tiada masalah moral dan sosial. Jadi orang lain tidak dapat mempertikaikan dan apa pun nanti arahnya atau cadangannya atau alasannya orang akan ikut.

Berdasarkan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar yang lepas Y.Bhg. Dato', apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar USIM selaku pengundi untuk memilih Majlis Perwakilan Pelajar?

Saya pun tidak pernah membuat study secara khusus bagaimana pattern pemilihan pelajar kita yang lepas. Cuma dari segi pemerhatian umum, saya rasa pemilihan pelajar kita tidak berdasarkan kepada kumpulan atau organisasi tertentu. Pemilihan mereka ini berdasarkan kepada ketokohan calon mereka iaitu secara individu. Maknanya kalau dilihat calon A itu bagus; cemerlang akademik, ada ketrampilan dari segi kepimpinan, pekertinya baik secara zahir, jadi dia mungkin bakal dipilih berdasarkan sifat kualiti individu dan tidak bergantung kepada kumpulan seperti wujudnya kumpulan A dan ini kumpulan B. Ini kerana universiti tidak menggalakkan adanya kumpulan yang cenderung kepada politik tertentu. Jadi ini akan menimbulkan perpecahan. Kita tidak mahu perpecahan berlaku di kalangan pelajar. Bertanding biar di atas kebolehan individu, kemahiran individu dan juga kekuatan individu itu sendiri sebagai calon. Kalau dia berjaya menjadi calon yang terpilih maknanya dia berjaya mempamerkan ketokohnya, meyakinkan pengundinya bahawa dia memiliki personaliti yang sesuai untuk dipilih sebagai pemimpin pelajar universiti.

Seterusnya Y.Bhg Dato', apakah tanggungjawab utama yang akan dipikul oleh ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar yang telah dipilih selepas pilihanraya nanti?

Saya tidak tahu apa yang mereka akan fikirkan sebab kita tidak tengok lagi manifesto calon-calon yang akan bertanding. Tetapi saya sebagai TNC (HEP dan Alumni) hendak supaya yang menang nanti menjalankan tugas bagi membina imej universiti bersama dengan pengurusan universiti. Saya mengharapka calon-calon yang terpilih bergerak, berjalan merangka program aktiviti yang mendatangkan faedah kepada mereka sendiri dan kepada pelajar yang mengundi mereka selain menjaga kebajikan, keselamatan, ketrampilan dan kecemerlangan akademik mahasiswa-mahasiswi USIM. Maknanya semua tanggungjawab itu tertumpu kepada kebajikan pelajar sendiri disamping membantu menaikkan imej universiti.

Kalau mereka membuat program yang mendatangkan kebanggaan universiti, imej universiti terangkat bersama dengan tingginya mutu program yang mereka laksanakan. Sebab itu kalau calon itu bagus, program yang mereka laksanakan itu akan bagus. Bila program dia bagus, universiti juga akan turut bagus. Mereka akan dapat pujian dan sanjungan kerana aktiviti yang dijalankan oleh pihak MPP mendatangkan kebaikan dan bukan mendatangkan keburukan kepada sesiapa sama ada pelajar atau universiti. Oleh itu, harapan saya ingin melihat supaya MPP yang baru nanti dapat merangka program yang boleh memberi faedah kepada mereka sendiri dan juga boleh membantu menaikkan imej universiti sama ada peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Maksudnya Y.Bhg. Dato', ditakuti orang luar akan mengambil kesempatan terhadap pelajar USIM?

Ya. Kalau menjadikan orang luar sebagai rujukan ia akan menyebabkan program yang mereka laksanakan itu mungkin tidak seiring dengan wawasan universiti. Kita hendak jadikan universiti kita universiti yang unggul dengan hasrat untuk memartabatkan penyelidikan Islam dengan membawa pengajian Islam ke dalam pendidikan negara. Kalau mereka buat program yang tidak sesuai dengan matlamat itu, secara tidak langsung ia tidak mendokong wawasan universiti dan tidak sealiran. Orang luar memang sentiasa cuba untuk mencari peluang bagi mencapai hasrat mereka. Mereka tahu pelajar memang senang digunakan. Itu penting untuk calon-calon kepimpinan yang menang nanti supaya mengambil sikap berhati-hati agar tidak digunakan oleh lain bagi kepentingan mereka.

Biarlah mereka yang menang itu berkhidmat dengan rakan pelajar dan bersama-sama membangunkan universiti mereka ke tahap yang lebih maju, lebih cemerlang sebab pelajar merupakan komponen penting dalam universiti. Kalau pelajar kita cemerlang, pelajar kita berketrampilan, universiti juga turut cemerlang dan mendapat sanjungan.

Y.Bhg. Dato', semestinya pihak pengurusan universiti sentiasa mengambil berat tentang proses pemilihan MPP ini, jadi kenapa USIM sentiasa memastikan proses pemilihan tidak dieksploitasi oleh pihak-pihak luar yang berkepentingan ?

Mana-mana universiti mana pun tidak rela proses pemilihan MPP dicampur atau didatangi oleh pihak-pihak luar yang tidak berkenaan. Jadi kita di USIM tidak rela pihak-pihak yang berkepentingan ini untuk terus campur dalam proses pemilihan MPP. Ini kerana kita sudah cukup keupayaan. Kita ada jawatankuasa induk pemilihan, jawatankuasa rayuan, urusetia pemilihan, ada pegawai pilihanraya, ada pengurusnya di peringkat fakulti dan umum. Kita sudah cukup keupayaan, jadi kita tidak perlu kepada pihak-pihak luar untuk melihat perjalanan proses pemilihan MPP. Dan kita pun sudah ada pengalaman beberapa kali mengadakan pemilihan kepimpinan pelajar. Jadi tidak ada apa-apa masalah. Pegawai-pegawai kita pun sudah berpengalaman, suasana di kampus kita pun sudah mantap dan sedia mengadakan proses pemilihan pada bila-bila masa. Jadi dengan kebolehan kita menguruskan pemilihan kepimpinan pelajar, saya fikir tidak perlu langsung campur tangan oleh pihak luar kerana kemasukan mereka itu akan mendatangkan ketidakharmonian dan mungkin kejutan akan berlaku kepada pelajar kita dan ini akan menyebabkan satu suasana yang tidak tenang dan jika ini berlaku agak sukar untuk kita memastikan keharmonian dan ketenangan pemilihan itu berjalan seperti yang kita harapkan.


Biar pelajar kita sendiri yang menentukan pilihan mereka, biar pelajar kita tentukan siapa calon mereka dan ini pun untuk mereka. Calon-calon itu nanti jika menang, mereka akan berkhidmat untuk pelajar di universiti ini. Sebab antara universiti-universiti mungkin berbeza, jadi tidak ada keperluan untuk orang luar itu masuk campur secara langsung atau tidak langsung kerana kita mampu melaksanakannya dan kita rasa selesa dengan alam kita, kampus kita dan biar pelajar sendiri yang menentukan calon pilihan mereka dan kita bantu menguruskan pilihanraya.

Untuk akhirnya, mungkin apa harapan Y.Bhg. Dato' kepada pelajar-pelajar USIM dalam menghadapi pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar bagi sesi 2007/2008 ini ?

Pertama, saya berharap sangat supaya peratusan mengundi pada kali ini seratus peratus iaitu biar semua pelajar yang berdaftar itu turun mengundi kerana ini kewajipan mereka. Semua yang layak mengundi turun mengundi. Inilah masanya mereka menunjukkan komitmen mereka kepada universiti dan peluang mereka memilih pemimpin yang mereka suka untuk mewakili mereka dalam kepimpinan MPP untuk sesi akan datang.

Yang kedua, saya harap calon-calon yang bertanding itu nanti tidak mengaitkan dan tidak mengikat diri mereka dengan kumpulan-kumpulan tertentu di luar khususnya dengan pihak pembangkang. Kita mahu proses pemilihan ini merupakan proses pemilihan pelajar peringkat universiti.

Yang ketiga, saya harap juga proses pemilihan dilaksanakan secara telus, tenang, selamat dan adil. Semua orang diberi peluang untuk membuat pilihan.



Selamat Mengundi...
Pilihlah calon yang tepat dan mantap



Islamic Science University of Malaysia (USIM)

Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai,

Negeri Sembilan, Malaysia

www.usim.edu.my